



SUARA

BANDARAYA

Ogos - September 1988 ISSN 0128-1194

Rancangan Lima Tahun Disusun

\$15 Juta Untuk Tingkatkan Industri Penjajaan

D BKL sedang menyusun Rancangan Lima Tahun melibatkan anggaran belanja \$15 juta untuk meningkatkan industri penjaja menerusi langkah-langkah seperti pembukaan kawasan baru, menyusun semula penempatan penjaja, mengubahsuai gerai-gerai dan memperkenalkan peralatan moden.

Berucap di majlis penyampaian hadiah Pertandingan Kebersihan Penjaja 1988 di Auditorium DBKL baru-baru ini, Datuk Bandar Kuala Lumpur berkata DBKL mahu mewujudkan budaya penjaja dengan menggalakkan

amalan kebersihan, penyediaan hidangan yang lazat, layanan bersopan santun, mesra, berdisiplin, mematuhi peraturan-peraturan.

Menurut Dato' Elyas Omar, kini terdapat seramai 36,278 orang penjaja di 621 kawasan sekitar bandaraya; seramai 24,296 penjaja berlesen dan 10,762 penjaja tanpa lesen. Ini merupakan satu fenomena baru dalam kehidupan di Bandaraya Kuala Lumpur.

Datuk Bandar berkata, sumbangan dan peranan masyarakat penjaja dan peniaga kecil dalam pembangunan negara dan usaha untuk memper-

cepatkan pencapaian matlamat DEB telah diiktiraf oleh kerajaan melalui agensinya seperti DBKL yang memberikan lesen-lesen penjaja, kemudahan pinjaman bank melalui CGC (Credit Guarantee Corporation) dan menyediakan berbagai kemudahan asas seperti bekalan air dan elektrik.

Dato' Elyas mencadangkan supaya diadakan kempen menghias dan mengecat gerai agar budaya kebersihan yang menjadi amalan penjaja akan setanding dengan amalan-amalan mereka dalam mencari keuntungan. •

Five-Year-Plan On The Way

\$15 Million To Boost Hawker Industry

City Hall is drafting a Five-Year-Plan costing an estimated \$15 million to boost the hawker industry through the opening of new areas, relocation of hawker sites, redesigning of stalls and the introduction of modern equipment.

Speaking at the Hawker Cleanliness Competition 1988 prize giving ceremony at City Hall Auditorium recently, the Datuk Bandar said that City Hall wants to create a hawker culture by promoting cleanliness, the preparation of tasty food, courteous service, friendliness, discipline, observance of regulations and the creation of loyal customers.

According to Dato' Elyas Omar there are now 36,278 hawkers at 621 sites throughout the city. Of these, 24,296 hawkers are licenced while 10,762 have no licences.



1.



2.

1. The old style of hawking.
2. Relocated according to City Hall's plan.

Continued on page 48

Kandungan

Muka Surat

■ \$15 Juta Untuk Tingkatkan Industri Penjajaan	1 & 48
■ Dari Meja Datuk Bandar	3
■ Pembangunan Kuala Lumpur Tanggungjawab Bersama	4
■ DBKL Menerima Sumbangan Dari LLN	4
■ Sistem Pengenalan Untuk Elak Vandalisme	5 & 16
■ Pustaka Peringatan Untuk Warga Kota	6
■ Bantuan Kepada Anak-Anak Yatim	7
■ Tempat Letak Kereta Tambahan	7
■ Pengindahan Bandaraya Kuala Lumpur	8
■ Hari Kebangsaan '88-Ulangtahun Ke 31	9
■ Dataran Merdeka – Simbol Perpaduan	10
■ Jalan Hang Kasturi Sebagai Medan Pejalan Kaki	11
■ Kempen Kesopanan Pemandu Dan Penumpang Teksi	11
■ Hentian Bas Termoden Di Malaysia	12 & 13
■ Mini Depoh Direktorat	13
■ <i>London To Get More Investors For Kuala Lumpur</i>	14
■ Kesatuan Digesa Eratkan Kerjasama	15
■ Pusat Perhubungan Siswazah Mendapat Sambutan	16
■ Proses Baru Yang Cepak Dan Sistematis	17 & 19
■ Pegawai Koperasi Hadiri Kongres	18
■ Koperasi Diseru Mempelbagaikan Kegiatan	19
■ Ahmad Sobri Dan Pak Pandir Menang \$3,000	20
■ Bakat Seni Pentas Lahirkan Artis Berpotensi	21
■ Para Pegawai Berperanan Membangunkan KL	22
■ Pemaaju Digesa Tingkatkan Kemudahan	23
■ Sumbangan Untuk Tentera Dan Polis	23
■ Kejohanan Olahraga DBKL Ke 4	24 & 25
■ Kejohanan Olahraga DBKL Ke 4	26
■ DBKL Johan Olahraga	26
■ Peranan UKS Meningkatkan Sukan	27

■ Walkathon Pemadam Wilayah Persekutuan	27
■ Lawatan ANULAE Kuala Lumpur Ke Melaka	28
■ Kursus Pengurusan Sukan	28
■ Kongres PACOM Ke Serdang	29
■ Kursus Perkhidmatan Dan Peraturan	29
■ Ceramah Dasar Penswastaan	29
■ Bengkel Tindakan Tata tertib	30
■ Kursus Komputer Sistem Perakaunan	30
■ Projek Perhentian Teksi Moden	31
■ Projek Gimnasium Rakyat	31
■ Unit Kawalan Pest	32
■ Berpindah Pejabat	32
■ Perkhidmatan Krematorium Untuk Warga Kota	33
■ ANULAE Kuala Lumpur Melawat Perlis	34
■ BKMD Tawar Perkhidmatan Jualan Barangan	34
■ Ahli Jawatankuasa Perpaduan Terima Sijil	35
■ Pegawai-Pegawai JPA Melawat DBKL	35
■ Kursus Membaiki Pencapaian	36
■ Kepekaan Untuk Meningkatkan Imej DBKL	36
■ DBKL Lancarkan Kempen Imunisasi Rubella	37
■ Kursus Sistem Pengendalian Penjaja	37
■ Penyakit Hepatitis B	38
■ Pembangunan Dalam Islam	39
■ Sekitar Lawatan	40 & 41
■ Kenaikan Pangkat, Persaraan, Bersara Atas Pilihan Sendiri, Meletakkan Jawatan, Pertukaran, Meninggal Dunia	42, 43 & 45
■ Johari Salleh Pimpin Orkestra DBKL	44 & 45
■ Waris-Waris Terima Pampasan	45
■ Vasuthevan Mempunyai Bakat Terserlah	46
■ KL Ingin Terus Kekalkan Imej	46
■ IKATAN Jadi Tamu Pegawai Polis	47
■ Datuk Bandar Terima Anugerah PAM	48

Dari Meja Datuk Bandar



Matlamat seluruh rakyat Malaysia seharusnya ialah untuk membantu membangunkan Kuala Lumpur sebagai ibu negara, setanding dengan bandaraya lain yang terkenal seperti Tokyo dan London. Kami di DBKL sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat ini dengan memastikan bahawa kami menyediakan segala keperluan asas wargakota dan juga keperluan pertumbuhan serta pembangunan Kuala Lumpur.

Industri penajaan (cerita muka depan) adalah antara bidang yang mencerminkan usaha kami untuk mewujudkan keadaan yang lebih baik dan teratur di Kuala Lumpur. Rancangan berjuta-juta ringgit yang sedang dirangka meliputi usaha merekabentuk semula gerai dan memperkenalkan peralatan moden. Kesemuanya bertujuan untuk mewujudkan satu 'budaya penaja' yang dapat memenuhi keperluan rakyat Malaysia sendiri dan juga pelancong dari luar negeri.

Malaysia terus menarik berjuta-juta pelawat yang kagum dengan kebudayaan, makanan dan pusat-pusat peranginan tepi lautnya. Mereka sangat penting kepada kemakmuran ekonomi kita, tidak kira sama ada mereka terdiri dari para pelancong ataupun pelabur. Baru-baru ini, Datuk Bandar London, Sir Greville Spratt, telah melawat Kuala Lumpur. Beliau begitu kagum dengan apa yang dilihatnya hingga beliau menawarkan bantuan untuk menggalakkan lebih ramai pelabur British supaya datang ke ibu negara kita.

Oleh yang demikian, dengan perasaan gembira dan optimis, marilah kita mengingatkan diri kita sendiri bahawa kejayaan bandaraya terletak di tangan kita dan segala projek – dari kempen kebersihan hingga gimnasium rakyat – bertujuan untuk memperbaiki mutu penghidupan kita. •

From The Desk Of Datuk Bandar

The goal of all Malaysians should be to contribute to the development of Kuala Lumpur as a capital city that compares with other leading cities such as Tokyo and London. We, at DBKL are constantly striving to achieve this goal by ensuring that we provide the basic needs of city residents as well as that for the growth and development of Kuala Lumpur.

An area reflecting our effort towards creating a better Kuala Lumpur is the hawker industry (see cover). A multi-million dollar plan being drafted includes redesigning stalls and introducing modern equipment, all of which are aimed at creating a 'hawker culture' that will meet the requirements of Malaysians and foreign visitors.

Malaysia continues to draw millions of visitors who are fascinated by its culture, cuisine and beautiful beach resorts. Whether they be holiday makers or investors, visitors are vital to our economic well being. Recently, the Lord Mayor of London, Sir Greville Spratt, visited Kuala Lumpur. He was so impressed with what he saw that he has offered to help woo more British investors to our city.

So, on this happy and optimistic note, let us remind ourselves that we hold the key to our city's success and our various projects – from a clean up campaign to a public gymnasium – are all aimed at improving quality of life. •